

16 AUG 1997

Anwar-Islam

PELAKSANAAN HUKUM ISLAM PERLU ADA KEBIJAKSANAAN, KATA ANWAR

IPOH, 16 Ogos (Bernama) -- Pelaksanaan hukum Islam dan isu-isu berkaitan dengannya perlu diteliti dan diselesaikan dengan baik dan bijaksana, dan tidak boleh dijalankan dengan gopoh, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, dalam mengatasi masalah berkaitan dengan Islam, umat Islam perlu elak daripada menimbulkan kekeliruan.

Kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu Islam yang dikatakan oleh setengah pihak terlalu keras adalah kerana beliau "bimbang kita tergelincir daripada hasrat untuk membangunkan Islam dengan pendekatan kesederhanaan yang dapat menawan majoriti umat Islam dan juga bukan Islam," katanya.

Ketika merasmikan Konvensyen Umno Perak di sini malam ini, Anwar berkata Dr Mahathir bimbang tindakan menjadikan agama Islam sebagai satu agama yang ekstrim boleh menyebabkan ada umat Islam sendiri menolak Islam dan juga menimbulkan kesan reaksi negatif daripada bukan Islam.

Ini akan menimbulkan kesan yang negatif kepada kestabilan dan keamanan negara yang akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan keyakinan pelabur asing dan tempatan untuk melabur di negeri ini, katanya.

Anwar berkata pendekatan perlu bijaksana dengan memahami masalah yang timbul dengan kemampuan mencari penyelesaian secara baik dan bukan melalui ketegangan dan pergaduhan kerana ini menyalahi matlamat hukum syariah yang bermatlamatkan keamanan.

" Kita perlu dakwah dan bukan menghukum," katanya.

"Adalah lebih baik pendekatan yang diambil bijaksana yang dapat menawan semua pihak dengan memastikan mereka tidak bimbang tindakan itu akan merosak kepentingan mereka.

"Tindakan yang sedemikian bukan bererti kita mudah bertolak ansur atau tunduk dengan sebarang tindakan, kerana kita mempunyai tindakan yang tersendiri dengan menguatkuasakan undang-undang jika sesuatu kesalahan itu terbukti melanggar peraturan yang ada," katanya.

Anwar berkata: " Jika terdapat golongan yang kurang bersetuju, mereka jangan tolaknya seolah-olah kita terdiri daripada orang yang menentang syariah ataupun sengaja memperkecil dan meremeh temehkan hudud dan hukum Islam."

Katanya, tindakan yang diambil kerajaan telah berjaya membawa pembangunan kepada negara sebagai sebuah negara Islam berbanding dengan sesetengah negara yang menjerit dan menggunakan slogan Islam.

Anwar berkata dalam mengatasi masalah sosial, terutama isu remaja, kita tidak seharusnya mengambil sikap berkeras dengan mereka kerana ini akan menjauhkan mereka daripada kita dan sukar untuk membantu mengatasi masalah yang mereka hadapi.

" Kita tidak boleh terlalu liberal dan juga tegas, malah memerlukan kebijaksanaan," katanya.

Katanya, kita harus menjelaskan Islam sebenarnya dan mempunyai matlamat memberi keutamaan kepada keselamatan negara, pembangunan ekonomi, kesihatan dan pendidikan serta perumahan rakyat dan bukannya Hudud semata-mata. --
BERNAMA.

HK RZS AHH